

# IMĀM AL- SHĀFI'Ī SEBAGAI ULAMA' MUJTAHID DAN MUJADDID: ANALISA SUMBANGAN TAJDĪDNYA DALAM SEJARAH TAMADUN ISLAM

Oleh:  
Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim\*

## Abstract

*Al-Imām Abū Abdullah Muḥammad ibn Idrīs al-Shāfi'ī (150-204 H/757-820 M) is a prominent mujtahid and mujaddid scholar of the second century of Hijrah. His position as a mujtahid scholar is proven through the establishment of a moderate mazhab of Fiqh known as mazhab al-Shāfi'ī. Meanwhile, his position as a mujaddid scholar is distinguished with his role in establishing Uṣūl al-Fiqh as a discipline such as defending hadīth from disobedient movements and putting the basis pertaining differences among the mazhab of fiqh within the Islamic societies. Therefore, this article on one hand will discuss in detail and analyze the above mentioned role based on the primer sources such as al-Manawī, al-Rāzī, Muḥammad Abū Zuhrah and others and on the other hand, will elaborate the priorities of al-Shāfi'ī in ijtihād and tajdīd al-Dīn.*

---

\* Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim, Ph.D adalah Profesor Madya dan Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.



## **Pendahuluan**

Tajdīd al-Dīn adalah satu konsep dalam Islam berasas hadīth Nabi s.a.w. dari riwayat Abū Daud, Hākim dan lain-lain yang menegaskan bahawa Allah membangkitkan kepada umat Islam pada setiap seratus tahun mereka yang memperbaharui urusan agama turunanNya.<sup>1</sup> Ungkapan urusan agama dalam hadīth Rasulullah s.a.w. memberi erti ia merangkumi hukum Islam dan pengajarannya berasaskan sumber yang sah dengan metodologi yang benar. Berasaskan ini, tanggungjawabnya adalah kepada mereka yang berkeahlian mengenai agama.

Tajdīd al-Dīn diperlukan berikutan berlalunya satu generasi dengan didatanginya generasi baru berkemungkinan berlaku di kalangan umat Islam penyelewengan, pelarian atau melepaskan diri dari keterikatan dengan tuntutan agama. Berasaskan hakikat ini, konsep tajdīd al-Dīn dalam Islam adalah kesinambungan dari peranan nabi-nabi atau rasul-rasul utusan Allah dalam memastikan manusia sama ada dalam konteks individu atau masyarakat di setiap zaman dan di bahagian geografi bumi sentiasa terikat dan beriltizam dengan pemikiran, hukum dan metodologi Islam. Tindakan manusia melepaskan diri dari keterikatan dengan wahyu Allah dan pengajaran Rasul utusanNya adalah suatu sikap dan amalan jahiliah,<sup>2</sup> dan ia adalah suatu realiti dan fenomena yang sentiasa wujud dalam masyarakat dan peradaban manusia. Sehubungan itu, Allah mengutus Rasul kepada umat manusia silih berganti. Perutusan rasul-rasul itu ditamatkan oleh Allah melalui perutusan Nabi Muḥammad s.a.w. bagi maksud melanjutkan peranan dalam pemurnian kehidupan manusia dari

---

<sup>1</sup> Abī al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaḡ Atzim Abady (1969), *'Aun al-Ma'bud Syarḡ 'Alā Sunan Abī Daud*, j.4, Madinah: al-Maktabat al-Madinah al-Munawwarah, h.109.

<sup>2</sup> Jahiliah dilihat dari sudut perspektif Islam boleh dirujuk kepada empat ayat. Antaranya al-Mā'idah (5): 50, Ali 'Imrān (3): 154, al-Fath (48): 26 dan al-Aḡzāb (33) : 50. Dari sudut pengertian jahiliah memberi erti satu tempoh di mana manusia melepaskan ikatannya dengan undang-undang atau ajaran nabi yang diutuskan Allah atau kitab yang diwahyukan Allah. Lihat 'Alī Ibrāhīm Ḥasan (1971), *al-Tarīkh al-Islāmi al-Am*, Cairo: al-Nahdhah al-Miṣriah, h. 29.



pencemaran jahiliah. Allah menggantikannya dengan kelahiran ulama' mujaddid dan Allah menentukan kitab terakhir turunanNya terselamat dari sebarang bentuk pemindaan, untuk digunakan oleh ulama mujaddid dalam peranan tajdīd dan iṣlahnya untuk setiap zaman atau kurun.

## **1. Tajdīd dan Ijtihad**

Sehubungan dengan konsep tajdīd al-Dīn dalam Islam, kalangan ulama hampir sependapat mensifatkannya sebagai sebahagian aktiviti dan peranan tajdīd yang utama adalah usaha-usaha meletakkan penyelesaian pemikiran dan hukum Islam dalam permasalahan yang melingkungi dan mendatangi kehidupan manusia hasil atau akibat perubahan-perubahan yang berlaku dari pertembungan budaya, pemikiran dan penerokaan sains dan teknologi dan lain-lain faktor. Realiti dan fenomena seperti ini, berasas perkembangan masa, sentiasa wujud dan boleh didapati persoalan-persoalan baru yang mendatangi dan memerlukan penjelasan pemikiran dan hukum Islam mengenainya. Hakikat yang jelas bahawa nas-nas al-Qur'ān atau hadīth yang merupakan dua sumber utama dan asasi pemikiran dan hukum Islam, lebih menepati reaksi dan memberi jawapan dan penyelesaian dalam isu-isu yang lahir dan wujud dalam tempoh zaman hidup Rasulullah s.a.w.

Manakala bagi setiap zaman yang berbeza dari era hidup Rasulullah s.a.w., sentiasa lahir isu-isu dan permasalahan-permasalahan baru dalam kehidupan masyarakat manusia. Kesan perubahan dan perkembangan dalam kehidupan manusia memerlukan mereka berkeahlian tentang pemikiran yang sempurna dari sudut Islam sebagai rujukan permasalahan dan isu kepada lingkungan pemikiran agama. Persoalan seperti ini dikenali ijtihād. Ijtihād telah memperluaskan ruang lingkup sempadan hukum-hukum dan pemikiran agama bagi meliputi dan merangkumi ruang yang lebih luas selari dengan keluasan aspek kehidupan dan perkembangannya. Berasaskan perspektif ini, termasuk dalam pengertian tajdīd al-Dīn ialah al-Ijtihād. Al-Manawi menjelaskan; "Sesungguhnya Allah telah menjadikan Nabi Muḥammad s.a.w. sebagai mengakhiri nabi-nabi dan rasul-rasul utusan Allah, sedangkan permasalahan-permasalahan dalam sejarah tamadun manusia sentiasa berkembang dan tidak mengenal tempoh akhir. Manusia dituntut mengetahui dan terikat dengan hukum



agama sebagai tuntutan wajib hinggalah dunia ini dikiamatkan oleh Allah. Dalam keadaan zahir nas-nas asasi agama tidak memadai bagi diperolehi penjelasannya, maka adalah diperlukan asas yang mencukupi untuk maksud tersebut. Berasaskan ini, Allah menzahirkan dan membangkitkan bagi setiap tempoh zaman di pelbagai daerah, ulama' ulung bagi memenuhi tanggungjawab berkaitan penyelesaian persoalan-persoalan berbangkit dari perkembangan itu. Berasaskan kedudukan ini, kedudukan ulama' di kalangan umat Islam berkedudukan seperti nabi-nabi pada bani Israel yang diutuskan di kalangan mereka silih berganti.<sup>3</sup>

Selanjutnya al-Manawi ketika mensifatkan kriteria yang seharusnya dimiliki oleh ulama' mujaddid telah menyatakan bahawa seorang mujtahid hendaklah memiliki kemampuan mengemukakan asas pendalilan, berkeahlian mengenai sunnah dengan kemampuan memberi jawapan terhadap persoalan yang mutasyabihat dengan kualiti al-muhkamat di samping kebolehan secara halus dalam membuat kesimpulan tentang permasalahan berasaskan keterperincian pemikiran bersandarkan nas-nas al-Qur'an dengan isyarat-isyaratnya, dilalah-dilalahnya dan segala tuntutan-tuntutannya berdasarkan kedudukan hati yang sedar dan pemikiran pada darjah kualiti yang tinggi.<sup>4</sup>

## **1. Pengenalan Peribadinya**

Sekadar pelengkap kepada huraian dari analisa sumbangan ijtihad dan tajdid Imām al-Shāfi'i yang memperolehi banyak gelaran dalam sejarah hidupnya, adalah baik dimulakan dengan pengenalan ringkas peribadinya. Beliau adalah Abū 'Abdullah Muḥammad bin Idrīs bin al-'Abbas bin 'Uthmān bin Shāfi'i bin Sa'ib bin 'Ubayd bin 'Abdul Yazid bin Hāsyim bin al-Muṭalib bin 'Abdul Manaf.<sup>5</sup> Berasaskan ini, Imām al-Shāfi'i adalah

---

<sup>3</sup> Al-Manawi Zainul 'Abidin Muḥammad 'Abdul Rauf (1938), *Faidh al-Qadir Syarh al-Jami' al-Ṣaghīr*, Cairo: Maktabah al-Tijariah al-Kubrā, h.10.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> Al-Ḥafiz Abī Bakr bin 'Alī al-Khātib al-Baghdādī (t.t), *Tarīkh Baghdād Madīnah al-Salām*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 57; Muḥammad Abū Zuhrah (t.t), *Tarīkh al-Mazāhib al-Islāmiyah*, Cairo: Dār al-Kitāb al-'Arabī, hh. 436-437. Imām al-Shāfi'i dalam sejarah hidupnya memperolehi banyak gelaran, antaranya Imām Zayn al-Fuqahā' (Imam Perhiasan Fuqahā') dan Taj al-Fuqahā' (Mahkota Fuqahā'). Gelaran-gelaran yang diperoleh ini memperlihatkan keutamaan dan keunggulannya dalam aspek ijtihad.



dari keturunan Arab Quraisy yang bersambung nasab keturunannya dengan keturunan Rasulullah s.a.w. pada 'Abdul Manaf. Manakala keturunan Imām Shāfi'i dari sebelah ibunya pula berasaskan pendapat yang sah dan diakui oleh cucundanya sebagai berasal dari perempuan Yaman suku Azd.<sup>6</sup>

## 2.1 Kelahiran dan Kematian

Berasaskan riwayat yang disepakati ahli sejarah, Imām Shāfi'i telah dilahirkan di Palestin pada tahun 150H (757M) iaitu tahun kematian Imām Abū Ḥanīfah. Ini berasaskan riwayat yang menyatakan, "Pergi seorang imām, datang pula imām yang lain pada malam pemergiannya itu."<sup>7</sup> Imām Shāfi'i telah meninggal dunia pada usia 54 tahun di Kaherah, Mesir pada malam Jumaat, bulan Rejab tahun 204H bersamaan 4 Januari 820M.<sup>8</sup> Betapa besar pengaruh Imām Shāfi'i dalam masyarakat terbukti berasaskan laporan sesetengah ahli sejarah yang meriwayatkan bahawa apabila berita kematian Imām Shāfi'i dimaklumi oleh masyarakat Islam, mereka segera mendatangi rumahnya untuk memberi penghormatan terakhir sehingga mereka terpaksa berdiri di atas kaki antara mereka ketika menyaksikan jenazah Imām Shāfi'i dimandi, dikafan dan disemadikan hingga selesai.<sup>9</sup>

---

<sup>6</sup> Al-Subqī Tajuddin Abū Naṣr 'Abdul Wahab bin 'Alī bin 'Abdul Kafī (1964), *Ṭabaqāt al-Syāfi'iyyah al-Kubrā*, J. 1, Cairo: 'Isā al-Halaby, h. 100. Terdapat riwayat yang menyatakan ibunya, Fāṭimah adalah dari orang Arab keturunan 'Alī bin Abī Ṭālib. Namun riwayat ini adalah ganjil. Lihat al-Rāzi, Abū 'Abdullah Fakhrudin Muḥammad bin 'Abdullah (1279), *Manāqib al-Syāfi'e*, J.1, Cairo: Dār al-Kutub al-'Arabi, h. 85.

<sup>7</sup> Muḥammad Abū Zuhrah (t.t.), *op. cit.*, hh.14-15.

<sup>8</sup> Al-Rāzi (1279), *op. cit.*, h. 299. Terdapat riwayat yang menyatakan kononnya kematian Imām al-Shāfi'i akibat cedera parah dipukul oleh sekumpulan pelampau mazhab Maliki. Walau bagaimanapun, Imām Abū Zuhrah telah mengeneapi dan menolak riwayat tersebut dan mensifatkannya bahawa jika benar, maka kes jenayah seperti itu dan melibatkan tokoh ilmunan tersohor seperti Imām al-Shāfi'i sudah tentu terdapat riwayat yang menceritakan proses pengadilan mengenainya. Dengan ketiadaan laporan pengadilan adalah sukar dipercayai kebenaran laporan itu. Apa yang jelas, kematian Imām al-Shāfi'i disebabkan penyakit buasir yang dihidapinya hingga membawa maut kerana tumpahan darah yang banyak. Muḥammad Abū Zuhrah (t.t.), *op. cit.*, h. 449.

<sup>9</sup> Al-Rāzi (1279), *op. cit.*, h. 299.



## 2.2 Pendidikan

Imām Shāfi'i merupakan seorang anak yatim dan miskin kerana ayahnya meninggal ketika dia masih kecil. Sebagai ibu yang bertanggungjawab dan memahami kepentingan ilmu pengetahuan, ibunya telah mengambil keputusan untuk berpindah ke Mekah<sup>10</sup> dengan harapan keluasan *halaqah* ilmu yang terdapat di tanah suci Mekah itu akan dapat dinikmati oleh anaknya walaupun dalam situasi kemiskinannya. Sebagai seorang kanak-kanak yang cerdik, pintar dan cerdas, Imām Shāfi'i telah memperlihatkan minat yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan. Beliau telah mengambil segala kesempatan dari *halaqah* ilmu pengetahuan khususnya di Masjidil Haram untuk mendalami ilmu pengetahuan. Bagi mencatatkan bahan-bahan pelajaran, beliau telah menggunakan segala bahan-bahan yang boleh dibuat catatan termasuk tembikar, kulit-kulit dan tulang ternakan dan menyimpannya dalam buyung. Bahkan, kadangkala beliau pergi ke pejabat kerajaan untuk memungut kertas terpakai yang telah dibuang dan masih ada ruang untuk dibuat catitan bagi digunakan untuk maksud pembelajarannya.<sup>11</sup>

Antara bidang ilmu pengetahuan yang banyak menguasai dirinya pada waktu itu ialah bidang hadīth, fiqh dan ilmu bahasa serta sastera Arab. Manakala guru yang paling berpengaruh kepada dirinya waktu itu ialah qādi Mekah waktu itu iaitu Muslim al-Zinjī bin Khālid (m.198H/ 813 M).<sup>12</sup> Di samping itu, Imām Shāfi'i juga turut berkemahiran dalam ilmu mempertahankan diri seperti memanah, berkuda selain menguasai ilmu astronomi dan perubatan. Semenjak mempelajari dan mendalami pelbagai ilmu khususnya dalam bidang fiqh, hadīth dan ilmu bahasa dari para ilmuan terkemuka di Mekah dan dalam usianya yang masih muda

---

<sup>10</sup> Tarikh perpindahan Imām al-Shāfi'i dan ibunya ke Mekah adalah tidak jelas. Dalam satu riwayat menyatakan dia dibawa ke Mekah pada usia 2 tahun, ertinya sekitar 152H. Riwayat lain menyatakan beliau sampai ke Mekah pada usia 10 tahun iaitu 160H. Muḥammad Abū Zuhrah dalam membuat kesimpulan terhadap dua riwayat yang bertentangan ini telah menyatakan bahawa pemergian Imām al-Shāfi'i ketika berusia 2 tahun adalah untuk memperkenalkan beliau dengan beberapa ahli keluarga yang tinggal di Mekah dan pemergian ketika berusia 10 tahun adalah untuk menetap dan belajar di Mekah. Lihat Muḥammad Abū Zuhrah (t.t.), *op. cit.*, h. 17.

<sup>11</sup> Al-Khātib al-Baghdādī (t.t.), *op. cit.*, h. 59.

<sup>12</sup> *Ibid.*



iaitu belum lagi menjangkau 20 tahun, beliau dikatakan telah diizinkan oleh guru utamanya, Muslim bin Khālid al-Zinjī untuk mengeluarkan fatwa kerana pengetahuan yang dimilikinya dan kejituan pemikirannya telah melayakkannya berfatwa.<sup>13</sup> Walau bagaimanapun, sebagai seorang yang berhemah tinggi, beliau merasakan adalah perlu baginya untuk meningkatkan pencapaian ilmunya, khususnya dari guru terkenal pada waktu itu iaitu Imām Mālik (93-179 H/711-796M).<sup>14</sup> Bagi mencapai hasratnya, beliau terlebih dahulu memperolehi surat perakuan dari gabenor Mekah untuk gabenor Madinah dan untuk Imām Mālik sendiri. Langkah ini diambil kerana disedarinya bahawa Imām Mālik adalah ulama besar yang sangat disegani dan dihormati oleh segenap lapisan masyarakat dan berguru dengannya bukanlah sesuatu yang mudah. Strategi dan pendekatan yang dilakukannya telah memberi laluan mudah baginya bertemu dan berguru dengan Imām Mālik.<sup>15</sup> Bermula dari tarikh itu, beliau telah berguru dengan Imām Mālik dengan tekun dalam mendalami ilmu-ilmu Islam dan masalah-masalah agama khususnya mempelajari kitab *Muwattā'* dari penulisnya sendiri. Semasa berada di Madinah, Imām Shāfi'i tidak ketinggalan berguru dengan ilmuan kota Madinah yang lain seperti Ibrāhīm bin Abū Yaḥya. Imām Shāfi'i kekal berada di Madinah sehingga Imām Mālik meninggal dunia pada tahun 179H/796M.

Berikutan kematian Imām Mālik, Imām Shāfi'i untuk beberapa waktu telah bekerja di daerah Najran namun dirasakan bahawa ilmu pengetahuan yang dimiliki masih belum mencukupi. Beliau akhirnya meninggalkan alam pekerjaan dan berhijrah ke Baghdad. Semasa di kota Baghdad, Imām Shāfi'i berpeluang tinggal bersama Muḥammad bin al-Ḥasan al-Syaibānī (m.189H/805M),<sup>16</sup> seorang tokoh ulama yang dihormati dan disanjung

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> Imām Mālik ialah Abū 'Abdullah Mālik bin Anas bin Mālik bin Abī Amir bin Amru bin al-Harith al-Asbahī. Beliau adalah Imām Dār al-Hijrah Madīnah al-Munawwarah. Dilahirkan pada tahun 93H/711M dan meninggal pada 179H/795M. Lihat Muḥammad bin Muḥammad Makhlup (1349), *Syajar al-Nūr al-Zakiyyat fī Ṭabaqāt al-Malikiyyah*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, hh. 52-55.

<sup>15</sup> Muḥammad Abū Zuhrah (t.t.), *op. cit.*, h. 440.

<sup>16</sup> Kedua-dua tokoh ilmuan Islam, Muḥammad al-Ḥasan al-Syaibānī dan Imām al-Shāfi'i telah sama-sama berguru kepada Imām Mālik di mana al-Shāfi'i berada di Madinah selama 9 tahun dan al-Syaibānī selama 3 tahun. Walau bagaimanapun al-Syaibānī sekembalinya ke Iraq telah melanjutkan pemikiran Imām Abū Ḥanīfah yang berasaskan ahl Ra'y. *Ibid.*



tinggi, bahkan antara tokoh ulama yang mewarisi pengetahuan fiqh berasaskan madrasah al-Ra'y yang diasaskan oleh Imām Abū Ḥanīfah.<sup>17</sup> Di samping mendalami fiqh ahl Ra'y semasa di Baghdad, Imām Shāfi'i turut berkesempatan mempelajari riwayat-riwayat dari kalangan muḥaddithin Iraq dan tidak masyhur di kalangan muḥaddithin Hijaz.<sup>18</sup> Pembelajaran dengan Imām Muḥammad bin Ḥasan al-Syaibānī telah menyepadukan dalam minda Imām Shāfi'i metodologi fiqh al-hadīth di Hijaz dengan metodologi fiqh al-Ra'y di Iraq. Hasil dari paduan ini telah mempengaruhi kemunculan fiqh yang seimbang (*wasat*) antara metodologi ahl al-hadīth dan ahl al-Ra'y dengan beliau sebagai pengasasnya dan muncullah beliau sebagai ahli hukum yang terhandal dan amat dikagumi pada zamannya dan hingga waktu ini.<sup>19</sup>

Riwayat sejarah juga melaporkan semasa di Iraq, Imām Shāfi'i telah menguasai ilmu yang mendalam bagi beberapa bidang utama. Beliau tidak sekadar mempertingkatkan pengetahuan agama dalam lapangan yang kurang diketahuinya, bahkan turut serta dalam beberapa siri perdebatan dan diskusi ilmiah dengan tokoh ilmuan Iraq dari kalangan murid-murid Imām Abū Ḥanīfah, termasuk dengan Muḥammad bin Ḥasan al-Syaibānī sendiri khusus dalam isu "saksi dan sumpah".<sup>20</sup> Setelah beberapa waktu Imām Shāfi'i berada di Iraq, beliau kembali ke Mekah dan memulakan aktiviti pengajaran untuk penduduk Hijaz khususnya dan pelajar dari serata dunia Islam yang berada di Mekah waktu itu. Keadaan ini telah memberi laluan luas tersebar pemikiran fiqhnya ke seluruh pelusuk dunia Islam lain.

---

<sup>17</sup> Fiqh Ḥanafī adalah dinisbahkan kepada pengasasnya, Imām Abū Ḥanīfah al-Nu'man yang dilahirkan pada tahun 70 H dan meninggal pada tahun 150 H. Beliau adalah imam pengasas mazhab fiqh al-Ra'y dan merupakan fuqahā' Iraq yang utama. Beliau telah menimba pengetahuan dalam bidang hadith dan fiqh dari ramai kalangan ulama terulung. Lihat 'Abdul 'Azīm Syarafuddīn (1974), *Tarīkh al-Tasyrī' al-Islāmi*, Libya: Benghazi, h. 186.

<sup>18</sup> Laporan sejarah tidak diperolehi dalam menentukan tempoh masa yang diambil oleh Imām al-Syāfi'i di Iraq tetapi diandaikan sekitar dua tahun sahaja. Fauzi Haji Awang (1989), *Riwayat Hidup al-Imam al-Shafi'e: Satu Tinjauan Ringkas*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, h.30.

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Muḥammad Abū Zuhrah (t.t.), *Tarīkh al-Mazāhib al-Islāmiyah.*, h. 25.



### 3. Sumbangan Imām Shāfi'i Dalam Tajdīd

Sebagaimana yang telah dibincangkan di awal artikel ini tentang hubungan antara ijtihād dengan tajdīd, tajdīd bermaksud membangkitkan dan menghidupkan kembali penghayatan Islam di kalangan umat manusia. Manakala ijtihād pula adalah memberi penjelasan hukum dan pemikiran agama bagi isu-isu penghidupan di kalangan manusia yang belum dipastikan sebelumnya. Dalam konteks peradaban dan tamadun manusia yang sentiasa berkembang telah menyebabkan permasalahan dan isu-isu baru yang memerlukan penjelasan dan jawapan pemikiran dan hukum Islam mengenainya sentiasa ditemui. Bagi ulama' mujaddid adalah bertanggungjawab mengembalikan manusia, khususnya umat Islam kepada batasan sempadan agama Islam dengan membentuk segala urusan mereka berasaskan bentuk dan perspektif Islam. Berasaskan ini seorang mujaddid itu semestinya adalah seorang mujtahid. Dalam hubungan ini, Imām Shāfi'i yang diiktiraf para pengkaji sebagai seorang mujaddid mewakili kurun kedua Hijrah adalah contoh terbaik dalam aktiviti dan peranan tajdīd, bukan semata-mata kedudukannya sebagai pengasas mazhab fiqhnya bahkan kerana peranan-peranan dan aktiviti lain dalam meletakkan asas ijtihad untuk panduan dan mengaplikasikannya sebagai mujaddid. Berasaskan ini sumbangan tajdīd Imām Shāfi'i dapat dirumuskan sebagai berikut:

#### i. Pendisiplinan (*tadwin*) uşūl fiqh

Masyarakat awam Islam adalah tidak terlalu asing dengan istilah fiqh iaitu hukum-hukum agama secara terperinci bagi setiap urusan hidup secara praktikal. Apabila kalimah uşūl dimasukkan dihadapannya menjadi kalimah uşūl fiqh, maka ia membawa erti sebagai asas-asas dan kaedah-kaedah yang terbina melaluinya fiqh praktikal. Berasaskan ini, adalah tidak mungkin wujud fiqh tanpa uşūlnya. Dalam perspektif dan pengertian lain, istilah uşūl fiqh secara keseluruhannya adalah pengenalan cara dan saluran pengambilan hukum-hukum darinya dan penentuan tentang siapa yang berhak membuat kesimpulan dalam pengambilan hukum itu.<sup>21</sup>



Berasaskan definisi *uṣūl fiqh* yang diperkatakan oleh al-Rāzi itu, dapatlah dirumuskan kandungan perbahasan disiplin ilmu *uṣūl fiqh* adalah seperti berikut:

- a. Dalil-dalil *fiqh* secara keseluruhannya merangkumi sumber-sumber perundangan dan hujah-hujahnya secara umum. Kedudukan dalil-dalil *fiqh* sebagai sebahagian kandungan perbahasan ilmu *uṣūl fiqh* adalah dalam pengertian menjelaskan tentang apakah sumber-sumber perundangan dan apakah bukti dan dalil-dalil yang membuktikan ia adalah hujah.
- b. Bahagian kedua perbahasan ilmu *uṣūl fiqh* ialah melihat kepada cara pengambilan dalil dalam menentukan kesimpulan hukum *syarā'* dari sumber-sumbernya. Terangkum dalam bahagian ini adalah penjelasan tentang jenis-jenis hukum dan bahagiannya dan sejauh manakah kualiti beriltizam dengannya. Termasuk juga dalam perbahasan *uṣūl fiqh* di bahagian ini ialah perbahasan tekstual, kontekstual dan lain dari sudut bahasa bagi nas-nas, bagaimana memahami maksud dari nas, membahaskan peringkat-peringkat dalil, cara-cara mentarjih di antara nas-nas bertentangan dan lain-lain yang berkaitan.
- c. Antara intipati kandungan perbahasan kandungan disiplin ilmu *uṣūl fiqh* yang lain adalah perbahasan mengenai *maqāṣid al-Syar'īyyah* (tujuan-tujuan syarak) secara umum dan proses serta usaha pelaksanaannya. Aspek perbahasan ini mempunyai pertalian dengan *ijtihād* dan termasuk dalam perbahasan ini ialah tentang mujtahid itu sendiri dari sudut pra - syarat dan kriterianya.<sup>22</sup>

Sehubungan dengan kepentingan disiplin ilmu *uṣūl fiqh* dan hubungan aspek-aspek perbahasan mengenai mujtahid, timbul persoalan yang memerlukan jawapan dan penjelasan. Persoalan dan masalah yang dimaksudkan itu ialah berkaitan dengan sempadan kebebasan manusia dalam perundangan. Seperti yang umum dimaklumi di kalangan umat Islam dan disepakati ulama' Islam bahawa hukum adalah hak Allah dan tidak ada bagi seseorang Islam mendatangkan hukum selain dari apa yang telah

---

<sup>21</sup> Al-Rāzi (t.t), *al-Maḥṣūl fī Uṣūl Fiqh*, Cairo: t.p, h. 94.

<sup>22</sup> Lihat perbahasan mengenai aspek kandungan ilmu *uṣūl fiqh* ini dalam al-Ghazālī (1322), *al-Mustaḥfa min 'Ilmi al-Uṣūl*, J. 1, Cairo: al-Amiriyyah, h. 8.



ditentukanNya.<sup>23</sup> Sehubungan dengan ini Allah dalam surah al-Mā'idah (4): 59 yang bermaksud; "Wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada Ulil Amr (orang-orang yang berkuasa di kalangan kamu). Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (al-Qur'ān) dan RasulNya (sunnah) jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat". Adanya istilah taat dalam pernyataan Allah dan Rasul dalam ayat di atas dan adanya tuntutan mengembalikan sebarang isu yang menimbulkan konflik di kalangan manusia kepada pernyataan Allah dan Rasul dalam pernyataan di atas memberi erti ketaatan kepada Allah yang bersifat ketaatan yang mutlak. Manakala ketaatan kepada pihak lain di kalangan manusia adalah tertakluk kepada keselarisan dengan pernyataan Allah dan Rasul dari sudut pengertian, metodologi dan rohanya kerana Allah melalui wahyuNya dan perutusan Rasul kepada manusia merupakan asas pemikiran, perundangan dan metodologi berasaskan Allah adalah hakim dan Dia adalah sumber perundangan dengan pengertian tiada hukum kecuali dariNya secara mutlak. Tidak ada hak perundangan bagi manusia secara bebas. Walau bagaimanapun ternyata bahawa perundangan pada Allah dan manusia menerima dan mengaplikasikannya adalah berasaskan Allah menzahirkan hukum-hukumNya dalam bentuk nas-nas kitab dan sunnah. Dari perspektif ini terdapat hak dan peranan manusia, antara peranan dan kepentingan utama peranan manusia adalah berusaha dalam mempergunakan sepenuh tenaga dalam memahami nas-nas hukum dan membuat kesimpulan dan pendisiplinannya.

Di satu sudut lain, perubahan masa dan perkembangan tamadun manusia dari sudut kemajuan sains dan teknologi telah mengakibatkan permasalahan dan isu-isu baru yang tidak wujud atau zahir sebelumnya sentiasa wujud. Dalam permasalahan seperti ini, wujud peranan kedua manusia berkaitan hukum iaitu memahami secara terperinci tentang isu dan permasalahan baru itu yang merupakan satu pra-syarat mujtahid. Imam Ahmad Ibn Hanbal dan Ibn al-Qayyim telah mensifatkan adalah perlu bagi ulama mujtahid mempunyai pengetahuan yang baik tentang manusia realiti zaman dan permasalahannya, apabila Ibn al-Qayyim dalam kitabnya, *'Ālam al-Muwaqqi'īn* telah mempertegaskan bahawa

<sup>23</sup> Bustami Muḥd Said (1984), *Maḥmūd Tajdīd al-Dīn*, Kuwait: al-Amiriyyah, hh. 63-64.



“Pengetahuan mengenai manusia merupakan usul yang perlu dimiliki oleh para mujtahid, tanpanya akan lebih banyak rosak dari perkara-perkara yang boleh diperbaiki. Maka adalah penting dan perlu bagi mujtahid berpengetahuan secara sempurna tentang perintah-perintah Allah dalam tuntutan pelaksanaan di samping berpengetahuan tentang tabiat manusia, kebiasaan, budaya di kalangan mereka dan perubahan-perubahan yang mendatangi kehidupan mereka. Sesungguhnya fatwa adalah boleh berubah dengan perubahan masa, tempat, budaya dan realiti melingkunginya”.<sup>24</sup>

Pernyataan Ibn al-Qayyim ini memperjelaskan keperluan ulama mujtahid dan mujaddid memahami realiti zaman dan masyarakat di sesuatu zaman dan tempat di samping berpengetahuan tentang budaya di sesuatu zaman sehingga tidaklah seorang mujtahid hidup di tempat lain dan masyarakat pula pada tempat dan kondisi yang lain yang mengakibatkan lahir hukum yang tidak menepati dan memberi penyelesaian dan jawapan kepada permasalahan yang berbangkit dari sudut realitinya dan kesannya permasalahan tidak memperolehi penyelesaian yang sebenar. Seorang mujtahid yang juga mujaddid yang benar dan menepati perspektif yang benar adalah yang berkemampuan menilai nas-nas dan pendalilan bagi isu-isu yang tidak qat'ie secara menyepadukan antara tuntutan (kewajipan) dan realiti dan membuat kesimpulan bagi setiap persoalan dan isu dengan pemikiran dan hukum yang munasabah dengan masa, tempat dan keadaannya yang benar.<sup>25</sup>

Di samping itu, manusia juga berperanan memahami dilalah, isyarat dan sifat-sifat yang dapat difahami dari nas-nas bagi maksud mengenal dan memastikan pemikiran dan hukum Islam bagi isu dan permasalahan baru yang mendatangi kehidupan manusia. Peranan ini adalah merupakan peranan penting dan memerlukan pemerhatian yang halus dan terperinci. Oleh itu, ia memerlukan disiplin kaedah terperinci, penjelasan asas dan disiplin pentafsiran nas-nas dan perbahasan sifat-sifat dan dilalah dari nas berkaitannya sebagai asas pengambilan perundangan melaluinya. Aspek-

---

<sup>24</sup> Ibn al-Qayyim, Syamsuddīn Abī Abdillāh Muḥammad Abū Bakr (1991), *‘Ālam al-Muwaqqi‘in an Rabbil ‘Ālamīn*, J. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 204.

<sup>25</sup> Al-Qardhawī, Yūsuf (1995), *Min Ajli Saḥwah Rasyidah Tujaddu al-Dīn wa Tanhidhu bi al-Dunya*, Mesir, Dār al-Wafā’, h. 40.



aspek ini adalah inti kepada disiplin ilmu *uṣūl fiqh*.<sup>26</sup>

Dari pemahaman yang jelas mengenai kepentingan dan intipati ilmu *uṣūl fiqh* memberi kefahaman tentang khidmat dan peranan teragung Imam al-Shāfi'i sebagai mujtahid dan mujaddid. Beliau adalah tokoh ilmunan terawal mengumpulkan intipati perbahasan *uṣūl fiqh*. Beliau memulakan usaha mencantumkan bahagian-bahagian perbahasannya dan mendisiplinkannya sebagai satu disiplin ilmu yang tersendiri. Al-Rāzi melaporkan bahawa disepakati di kalangan ulama Islam bahawa beliau (Imām al-Shāfi'i) adalah ilmunan Islam terawal menzahirkan *uṣūl fiqh* sebagai disiplin ilmu, membentuk bab-babnya, membezakan sesetengah bahagian dengan sesetengah yang lain dan menjelaskan peringkat-peringkat dari sudut kekuatan dan kelemahannya.<sup>27</sup> Usaha penzahiran itu dilakukan melalui penulisan kitab yang diberi nama *al-Risālah* sebagai memenuhi tuntutan sahabatnya, 'Abdul Raḥmān al-Maḥdi.<sup>28</sup> Kitabnya ini adalah penyempurnaan semula yang diusaha ketika beliau berpindah ke Kaherah, Mesir dari risalah yang sebelum disediakan untuk 'Abdul Raḥmān al-Maḥdi. Berasaskan tulisan penyempurnaannya ini merupakan kitab *al-Risālah* yang diwarisi oleh masyarakat Islam hari ini.<sup>29</sup>

Berasas penjelasan al-Rāzi ini dapat difahami bahawa bukanlah Imām al-Shāfi'i sebagai ulama' Islam pertama dan terawal memperkatakan tentang ilmu *uṣūl fiqh* kerana sebelumnya umat Islam telah pun memperkatakan dalam masalah-masalah *uṣūl fiqh*. Mereka membuat

<sup>26</sup> Bustami Muḥd Said (1984), *op. cit.*, h. 98.

<sup>27</sup> 'Abdul Raḥmān bin Maḥdi adalah seorang sahabat yang amat mengkagumi Imām Shāfi'i yang waktu itu berusia lebih muda darinya dan telah menjadi tokoh ilmunan terunggul dalam beberapa disiplin ilmu dan hadīth. Beliau pernah menulis surat kepada Imām al-Shāfi'i agar menghimpunkan untuk panduannya perbahasan mengenai asas penerimaan hadīth, *ijma'* dan keterangan mengenai persoalan nasikh mansukh dari al-Qur'an dan hadīth. Bagi maksud itu Imām al-Shāfi'i menyediakan risalah (surat) dan dihantar kepada 'Abdul Raḥmān dan risalah itu amat menggembarakan 'Abdul Raḥmān. Al-Baihaqi (1971), *Abū Bakar Aḥmad bin Ḥusain, Manāqib al-Shāfi'e*, J. 1, Cairo: Dār al-Turath, h. 234.

<sup>28</sup> Aḥmad Muḥammad Syakir (1309), *Muqaddimah Kitāb al-Risālah li Muḥammad bin al-Shāfi'*, Cairo: Dār al-Fikr, h. 11.

<sup>29</sup> Al-Rāzi (1279), *Manāqib al-Syafi'e*, h. 101.



kesimpulan dalil berasaskannya dan mereka mengkritik.<sup>30</sup> Dari sudut aplikasinya semenjak zaman sebelum Imām al-Shāfi‘i, umat Islam telah mengenal pelbagai aliran mazhab fiqh seperti Imām Malik dan Imām Abū Ḥanīfah. Bagaimana lahir aliran mazhab fiqh berasaskan madrasah al-Ra’y dan al-hadith jika umat Islam tidak mengenal kaedah dan asas pendalilan yang merupakan sebahagian dari kandungan ilmu uşul fiqh kerana fiqh itu adalah hasil ijtihād ulama’ mujtahid. Mengikut pernyataan al-Zarkasyi bahawa “Para sahabat di era Rasulullah s.a.w. lagi telah pun memperkatakan di kalangan mereka mengenai pendalilan”.<sup>31</sup> Pada era sahabat Rasulullah s.a.w. sendiri telah mengisyaratkan pernyataan bermaksud ijtihād yang menyebabkan sahabat telah mengenal asas, cara, kaedah bagi mereka bergerak dalam membuat kesimpulan hukum dan pemikiran, bahkan kalangan ulama’ fiqh khususnya ketika berhadapan dengan kritikan sesetengah kalangan mereka terhadap sesetengah yang lain memberi reaksi dan penjelasan berasaskan asas dan kaedah pendalilan hingga melahirkan kesimpulan hukum.<sup>32</sup>

Berasaskan perkembangan ini, sumbangan dan khidmat Imām al-Shāfi‘i berkaitan ilmu uşul fiqh sekadar menghimpun, pendisiplinan, pembahagian, penyusunan semula, pendalilan bagi sesetengah isu dan permasalahan, pengenalan beberapa istilahnya, namun usaha yang dilakukan dengan pemerhatian teliti dan meliputi telah memberi sumbangan besar dan amat bererti. Dalam memperkatakan kepentingan ini, Imām Aḥmad Ibn Hanbal berasaskan laporan al-Baihaqi telah menyatakan, “Ia (*al-Risālah*) adalah dari antara tulisan dan kitabnya (Imām al-Shāfi‘i) yang terbaik”.<sup>33</sup> Manakala al-Rāzi pula telah menyifatkan bahawa seluruh ilmuan yang menulis mengenai uşul fiqh selepas Imām al-Shāfi‘i terhutang budi atas usahanya kerana beliau adalah pembuka laluan dalam bab ini, maka keutamaan bagi yang mendahuluinya.<sup>34</sup>

Persediaan yang melayakkan Imām al-Shāfi‘i dalam mengambil tanggungjawab dan peranan dalam pendisiplinan uşul fiqh seperti yang

<sup>30</sup> Muḥammad Abū Zuhrah (t.t.), *Tarīkh al-Mazāhib al-Islāmiyah*, h. 14.

<sup>31</sup> Al-Bustami Muḥd Said (1984), *Mafhūm Tajdīd al-Dīn*, h. 65.

<sup>32</sup> Al-Baihaqi (1971), *op. cit.*, h. 235.

<sup>33</sup> Al-Rāzi (1279), *op. cit.*, h. 25.

<sup>34</sup> Ibn Ḥajar al - ‘Asqālānī (t.t), *Ṭawāliya al-Ta’lis bi Ma’aliya Ibn Idrīs*, Cairo: Dār al-Ma‘ārif, h. 54.



pernah dinyatakan oleh Ibn Hajar adalah kerana penguasaannya mengenai fiqh ahl hadīth melalui pembelajarannya kepada pengasas fiqh tersebut iaitu Mālik bin Anas dan penguasaan fiqh ahli ra'y melalui pembelajarannya kepada pewarisnya yang utama Imām Muḥammad bin al-Ḥasan al-Syaibānī. Melalui himpunan pengetahuan ahl ra'y dan ahl hadith telah memberi kelebihan bagi beliau membina asas uṣūl fiqh dan meletak serta merangkakan kaedah-kaedahnya.<sup>35</sup> Selain dari itu, pertumbuhan awalnya melalui pendidikan di kota Mekah dan interaksi dengan masyarakatnya telah memberi kelebihan kepada Imām Shāfi'i dalam penguasaan ilmu bahasa Arab dan sasteranya yang luas dan mendalam sehingga dianggap oleh tokoh linguistik Arab bahawa daripadanya diperolehi beberapa asas bahasa dan mereka berhujah dengan asasnya dalam permasalahan bahasa.<sup>36</sup> Persediaan-persediaan ini memberi kelebihan dan keutamaan kepada Imām Shāfi'i dalam mengambil tanggungjawab dalam lapangan hadīth, fiqh dan ilmu bahasa. Ilmu-ilmu ini fakta dan asas kepada uṣūl fiqh.<sup>37</sup>

Secara umumnya, antara aspek dan permasalahan yang dianalisa Imām al-Shāfi'i melalui kitab *al-Risālah* adalah merangkumi<sup>38</sup> aspek-aspek berkaitan al-Qur'ān dan peringkat keterangan sebagai pernyataan yang menjadi nas kepada makhluk sama ada bersifat tuntutan melaksakannya atau tuntutan menjauhi dan meninggalkannya. Kedudukan sunnah dan pendalilannya, berasaskan kedudukan al-Sunnah seperti diperakui oleh nas al-Qur'ān sendiri merupakan penjelasan dan keterangan lanjutan dan terperinci dari pernyataan al-Qur'ān seperti beberapa tuntutan al-Qur'ān dari sudut pelaksanaan yang memerlukan pengetahuan tentang bilangan rakaat solat, waktu dan keterangan mengenainya. Terangkum dalam perbincangan dan analisa Imām al-Shāfi'i tentang isu-isu dan persoalan-persoalan yang direncanakan oleh Rasulullah s.a.w. daripada persoalan yang tidak diperolehi nas pernyataan Allah mengenai hukumnya sebagai termasuk dalam fardhu Allah terhadap umat mentaati dan beriltizam dengan hukumnya selari dengan pernyataan Allah seperti dalam firman yang bermaksud "*Wahai orang-orang yang beriman, taatlah Allah dan*

<sup>35</sup> Al-Bustami Muhd Said (1984), *op. cit.*, h. 25.

<sup>36</sup> Muḥammad Abū Zuhrah (t.t.), *op. cit.*, h. 25.

<sup>37</sup> Al-Shāfi'i, Muḥammad bin Idrīs (1309), *al-Risālah*, Cairo: Dār al-Fikr, hh. 21-22, 39, 450 & 510.

<sup>38</sup> Surah al-Nisā' (4) : 59.



*taatlah kamu kepada Rasul” dan pernyataan yang bermaksud “Dan siapa yang mentaati Rasul, maka sesungguhnya dia mentaati Allah”. Demikian melalui penganalisaan dan penjelasan terperinci oleh Imām al-Shāfi’i melalui kitab al-Risālah adalah isu dan persoalan yang difardhukan Allah ke atas makhluk yang menepati pra-syaratnya untuk berjihad, bagi kepastian hukum, pemikiran dan sistemnya, bersama keperluan mentaati mereka dalam ijthād seperti keperluan mentaati mereka dalam perkara lain dari kewajipan Allah atas mereka. Kesimpulan seperti ini dipertegaskan oleh Imām al-Shāfi’i dengan pernyataan “Adalah selama-lama tiada hak kepada seseorang menyatakan tentang sesuatu itu halal atau haram kecuali beraskan ilmu. Asas dalam pernyataan ini adalah dari kitab (al-Qur’ān) atau al-Sunnah atau al-Ijmā’ atau al-Qias”.<sup>39</sup>*

Dalam menjelaskan persoalan al-Ijmā’, Imām al-Shāfi’i mempertegaskan pernyataan Rasulullah s.a.w. yang menuntut beriltizam dengan jamaah umat Islam. Bagi beliau, tuntutan Rasulullah s.a.w. supaya beriltizam dengan jamaah Islam dalam konteks sifat Islam sebagai agama untuk seluruh manusia telah menyebabkan umat Islam telah berpisah dengan membentuk kediaman di daerah-daerah yang terpisah antara satu sama lain. Dalam kondisi seperti ini, tuntutan beriltizam dengan jamaah Islam tidak boleh berlaku dengan mudah kecuali dalam konteks beriltizam dengan apa yang menjadi kesimpulan jamaah Islam mengenai halal dan haram dan mematuhi keduanya. Isu-isu dan persoalan lain yang terkandung dalam kitāb al-Risālah ialah berkaitan al-Qias, al-Istihsan, sahabat keutamaan dan pendalilan pernyataan mereka, al-Am dan al-Khas, al-Mujmal dan al-Mufassir, al-Wajib dan al-Fardhu serta larangan, nasikh mansūkh, al-ijthād, dan al-taqlīd dan lain-lain dari aspek-aspek dalam disiplin ilmu uşūl fiqh.

Berasas himpunan permasalahan yang dijelas dan dianalisa oleh Imām al-Shāfi’i dalam tulisan kitāb al-Risālah memperlihatkan secara nyata keutamaannya dalam memulakan pertumbuhan dan memasyarakatkan disiplin ilmu uşūl fiqh. Walaupun ilmuan Islam selepasnya seperti al-Rāzi, Imām al-Ghazālī dan lain menulis sama dalam lapangan disiplin ini, tetapi kedudukan mereka itu sekadar melanjut, memperluas dan

---

<sup>39</sup> Surah al-Nisā’ (4) : 80.



membuat penambahan kepada penulisan awal yang diusahakan oleh Imam al-Shāfi'i. Disiplin ilmu uşūl fiqh dilihat dari sudut asas ijtihad dan metodologi pengambilan hukum dan pemikiran dalam Islam. Melaluinya telah menjadi faktor membuktikan Islam sebagai agama yang hidup, sentiasa baharu dan berkelayakan untuk pelbagai masa dan tempat dengan Imam al-Shāfi'i sebagai pengasas pendisiplinannya, dan melalui usahanya telah melayakkan beliau sebagai tokoh mujtahid dan mujaddid utama dalam sejarah tamadun Islam.

## ii. Mempertahankan Sunnah Dari Gerakan Mengingkarinya

Telah disepakati di kalangan ilmuan Islam bahawa al-Sunnah iaitu himpunan pengucapan, perbuatan dan perakuan Rasulullah s.a.w. merupakan sumber hukum dan pemikiran Islam selepas al-Qur'ān yang merupakan pernyataan Allah. kedudukan al-Sunnah sebagai sumber hukum Islam adalah meliputi aspek-aspek sebagai memperteguhkan pernyataan al-Kitab (al-Qur'ān) atau memperincikan pernyataan al-Qur'ān atau memperlihatkan pernyataan tambahan yang tidak terdapat dalam al-Qur'ān. Walaupun adalah jelas tentang kedudukan ini dengan diperakui oleh pernyataan Kitab sendiri, namun semenjak awal sejarah Islam iaitu semenjak kurun kedua hijrah iaitu semasa hayat Imam al-Shāfi'i lagi telah memperlihatkan kecenderungan ke arah mengingkari kedudukan al-Sunnah (hadīth) sebagai sumber hukum dan pemikiran Islam. Pergerakan golongan ini pada dekad itu dapat dibahagikan kepada tiga golongan yang utama:

- a. Golongan yang menolak al-Sunnah secara total. Golongan ini melihat bahawa hukum dan pemikiran Islam hanya melalui al-Qur'ān sahaja yang merupakan wahyu Allah.
- b. Golongan yang cuba mengklasifikasi al-Sunnah kepada yang menepati pernyataan (wahyu) Allah dan yang tidak. Melalui penkelasan ini, mereka menolak al-Sunnah secara bersendirian sebagai sumber hukum dan pemikiran Islam dan hanya menerima al-Sunnah dalam kategori yang membawa pengertian yang selari dengan pernyataan al-Qur'ān sahaja.
- c. Golongan yang menerima al-Sunnah dalam kategori dan kualiti yang mutawatir sahaja dan menolak al-Sunnah dalam kategori lain seperti



hadīth ahad dan yang seumpamanya.

Kelahiran golongan ingkar sunnah ini telah turut mempengaruhi serangan dan kritikan terhadap aliran fiqh berasaskan pegangan kepada *athar* dan al-Sunnah tanpa memperhitungkan terdapat juga ciri kelemahan pegangan kepada pemikiran al-Ra'y. Menjelaskan perkembangan baru ini, Mustafa Abd Razzak menyatakan bahawa, "Ahli-ahli hadīth sebelum al-Shāfi'i pada umumnya mempertikaikan pandangan negatif al-Ra'y terhadap kedudukan hadīth Ahad<sup>40</sup> tetapi mereka tidak mampu mempertahankan menerusi hujah yang jitu, bahkan kadangkala mereka diperkotak-katikkan oleh golongan ahl al-Ra'y, kerana banyak meriwayatkan hadīth tetapi tidak banyak berfikir mengenai hukumnya. Keadaan ini berterusan sehingga zaman al-Shāfi'i".<sup>41</sup> Manakala al-Za'farani pula menjelaskan bahawa ahli-ahli hadīth sebelum Imām al-Shāfi'i semuanya tidur, sehinggalah dikejutkan oleh Imām al-Shāfi'i.<sup>42</sup>

Dalam menghadapi kemelut pertikaian ini, Imām al-Shāfi'i telah bangkit menjelaskan penyelewengan pendekatan seperti itu melalui dakwah lisan dan persuratan. Al-Baihaqi menjelaskan bahawa penolakan Imām al-Shāfi'i terhadap gerakan ingkar Sunnah melalui lisan adalah lebih berkesan dan lebih meluas berbanding secara tulisan<sup>43</sup> yang terbatas dan dapat diikuti oleh kalangan ilmuan dan barisan ulama' sahaja, sedangkan dakwah lisannya melibatkan masyarakat awam yang lebih luas. Dari sudut penulisan, Imām al-Shāfi'i melalui kitabnya, *Jimā' al-'Ilm* telah menulis dalam satu bab khas mengenai ingkar al-Sunnah dalam kategori pertama, dengan topik "*Bāb Hikayah al-Tā'ifah al-latī Raddat al Akhbār Kullihā.*"<sup>44</sup> Tulisan Imām al-Shāfi'i dengan bab ini merupakan saringan semula isu-isu perdebatan yang berlaku antaranya dengan segolongan tokoh-tokoh ingkar al-Sunnah di mana beliau mendedahkan kekeliruan dan tidak tepatnya

---

<sup>40</sup> Al-Shāfi'i (1309), *op. cit.*, h. 25.

<sup>41</sup> Golongan yang mendukung Imām Abū Ḥanīfah umpama mendahulukan qias jalii dari khabar wahid dalam mengistinbatkan hukum. Lihat Abdul Hayei Abdul Sukor (1989), *Imam al-Syafie : Satu Tinjauan Bidang Ilmu Hadis*, Seminar Pemikiran Islam, Pusat Islam, h. 429.

<sup>42</sup> Al-Qurtubi, Yusof Ibn 'Abdul Barr (t.t), *al-Intiqā' fī al-Fadhā'il al-Thalathah*, Beirut: t.p., h. 67.

<sup>43</sup> Al-Baihaqi (1971), *Manāqib al-Syāfi'e*, h. 25.

<sup>44</sup> Al-Shāfi'i, Muḥammad bin Idrīs (1321), *al-Umm*, J. 7, Cairo: al-Amiriah, h. 250.



kefahaman mereka apabila bangkit mengingkari kedudukan al-Sunnah sebagai sumber hukum dan pemikiran Islam. Imām al-Shāfi'i pada bab lain dalam kitab tersebut telah menolak golongan ingkar al-Sunnah dalam kategori tertentu seperti menolak hadīth-hadīth ahad dan menolak hadith-hadith yang tidak selari dengan al-Qur'ān iaitu bab yang diberi nama "*Bāb Hikayah Qawlu man Radda al-Khassah*"<sup>45</sup> dengan mengemukakan dalil-dalil yang melayakkan hadīth dalam kategori itu diterima.

Imām al-Shāfi'i dalam menolak golongan yang mengingkari al-Sunnah/Hadīth Rasulullah s.a.w. sebagai sumber hukum dan pemikiran Islam telah menggunakan beberapa kenyataan al-Qur'ān yang dapat difahami sebagai mengikat umat Islam beriltizam dengan pernyataan sunnah seperti firman Allah dalam surah al-Aḥzāb (33): 36 yang bermaksud, "*Tiadalah dibenarkan kepada orang-orang mukmin dan mukminat, apabila Allah dan RasulNya telah menjatuhkan sesuatu hukuman, bahawa mereka akan mengambil pilihan yang lain (sebagai penyelesaian) dalam urusan mereka dan barangsiapa yang derhaka kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata*". Kenyataan Allah ini telah membuktikan keperluan setiap individu umat Islam terikat dan beriltizam dengan pernyataan Allah dan RasulNya kerana membebaskan diri dari keterikatan dengan Allah dan Rasul meletakkan seseorang sebagai derhaka dan sesat.

Dalam menjelaskan keutamaan dan keistimewaan Imām al-Shāfi'i dalam mempertahankan sunnah, al-Baihaqi mengatakan bahawa beliau adalah seorang tokoh ilmuan Islam yang mempunyai pengetahuan yang luas dan terperinci mengenai nas-nas al-Qur'ān dan hadīth. Di samping itu, beliau mempunyai pengetahuan yang jitu mengenai usūl al-fiqh kerana beliau adalah pengasas disiplin itu yang membolehkan memiliki kebolehan berhujah dan berdialog yang tinggi. Kesemua ini memberi kelebihan dalam mempertahankan sunnah terhadap golongan yang meningkarinya.<sup>46</sup>

Peranan besar dan utama yang disumbangkan Imām al-Shāfi'i dalam mempertahankan sunnah menyebabkan beliau memperolehi gelaran '*Nasir al-Sunnah*' (Penegak Sunnah) di kalangan masyarakat Islam di

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 254.

<sup>46</sup> Al-Baihaqi (1971), *op. cit.*, h. 274.



kota Baghdad.<sup>47</sup> Imām Aḥmad bin Ḥanbal, seorang mujtahid dan antara ulama' Islam yang berperanan besar dalam mengumpul dan meriwayatkan hadith telah mensifatkan Imām al-Shāfi'i sebagai seorang ilmuan besar yang bertanggungjawab memelihara *al-athar*, ketika al-athar berhadapan dengan banyak golongan yang menolaknya.<sup>48</sup> Manakala al-Baihaqi yang memetik pandangan Abū Zaru'ah telah mengatakan bahawa beliau tidak mengenali ilmuan yang lebih utama dari Imām al-Shāfi'i dalam khidmatnya terhadap Islam di zamannya mengatasi Imām al-Shāfi'i seperti mana beliau tidak mengenali ilmuan Islam lain mengatasi Imām al-Shāfi'i dalam memelihara sunnah Rasulullah s.a.w., kerana beliau yang paling banyak dan utama dalam mendedahkan kesilapan dan keburukan golongan yang mengingkari sunnah.<sup>49</sup> Walaupun Imām al-Shāfi'i merupakan ilmuan Islam yang mempunyai pengetahuan luas dan terperinci mengenai hadith, namun beliau tidak tergolong dari kalangan ulama' Islam yang mengambil tanggungjawab besar dalam mengumpul hadith-hadith Rasulullah s.a.w. kerana tokoh ilmuan Islam seperti Imām Mālik, Imām Aḥmad, Imām al-Bukhārī, Imām Muslim dan selainnya adalah tokoh yang lebih dikenali sebagai ilmuan Islam yang mengumpul dan meriwayatkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Namun demikian gelaran sebagai 'Penegak Sunnah' telah diperolehi oleh Imām al-Shāfi'i dan tidak kepada ulama' muhaddith tersebut. Keadaan ini memperjelaskan keutamaan Imām al-Shāfi'i dalam mempertahankan sunnah hingga menyebabkan gerakan ingkar Sunnah gagal mendominasi kehidupan masyarakat Islam. Keadaan ini telah menjadikan himpunan hadith-hadith yang diusahakan oleh lain-lain ilmuan Islam lebih bererti dan memberi sumbangan besar kepada umat Islam. Berasas keutamaan ini melayakkan beliau sebagai Nasir al-Sunnah dan Mujaddid al-Dīn.

iii. Mengasaskan aliran fiqh pertengahan

Masyarakat Islam pada zaman Imām al-Shāfi'i telah mengenal beberapa aliran fiqh seperti mazhab Abū Ḥanīfah, Imām Mālik dan lain-lain. Imām al-Shāfi'i sendiri adalah seorang tokoh ilmuan Islam yang pernah memperolehi pendidikan dengan tokoh-tokoh ilmuan Islam dari madrasah

---

<sup>47</sup> *Ibid.*, h. 472.

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 471.

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 279.



al-Ra'y dan al-Hadīth di Baghdad dan Madinah. Berasaskan latar belakang ini, Imām al-Shāfi'i setelah kembali ke kediaman asalnya di Mekah telah mula memperkenalkan aliran fiqh tersendiri dan tidak terikat dengan fiqh kalangan guru-gurunya Imām Muḥammad Ḥasan al-Syaibānī dari madrasah ahl Ra'y dan tidak juga jadi pengikut kepada madrasah fiqh ahl Hadith Imām Mālik. Sebaliknya beliau bangkit mengasaskan fiqh pertengahan yang menempatkan fiqhnya berkedudukan antara dua aliran fiqh yang menguasai umat Islam sebelumnya. Jika dilihat kepada metodologi yang menjadi asas pembinaan hukum antara Imām Abū Ḥanīfah dengan Imām Mālik, dua aliran fiqh utama yang menguasai masyarakat Islam sebelum kehadiran fiqh Imām al-Shāfi'i, didapati keduanya bersependapat meletakkan al-Qur'ān di kedudukan pertama dan Sunnah pada kedudukan kedua. Walaupun demikian, dalam meletakkan sumber-sumber hukum lain seperti Ijmā', Qias dan selainnya, terdapat perbezaan antara Imām Abū Ḥanīfah dengan Imām Mālik. Imām Abū Ḥanīfah mendahulukan pernyataan sahabat, al-Istiḥsan dan meletakkan al-ijmā' di kedudukan keenam manakala Imām Mālik pula telah meletakkan praktik penduduk Madinah, fatwa sahabat dan kemudian baru diikuti oleh Qias, Masalih al-Mursalah dan al-Istiḥsan. Berasaskan keadaan ini dan faktor-faktor lain, fiqh Imām Abū Ḥanīfah dikenali sebagai fiqh al-Ra'y dan fiqh Imām Mālik sebagai fiqh al-Sunnah. Apabila diamati sumber asas pembinaan hukum fiqh pada Imām al-Shāfi'i, didapati beliau menjadikan al-Kitab dan Sunnah di kedudukan pertama diikuti dengan ijmā', fatwa sahabat dan Qias,<sup>50</sup> keadaan yang membezakan antara al-Shāfi'i dengan fiqh Imām Abū Ḥanīfah dan Imām Mālik.

Pendekatan Imām al-Shāfi'i yang meletakkan al-Kitab dan Sunnah secara sepadu menjadi sumber utama dan pertama pembinaan hukum fiqhnya bukan semata-mata sebagai kesinambungan kepada sumbangan dan khidmatnya dalam mempertahankan sunnah berhadapan dengan gerakan ingkar sunnah, tetapi memperlihatkan ketelitian dan pandangan terperinci Imām al-Shāfi'i. Pada pandangan beliau, sumber-sumber lain fiqh Islam termasuk fatwa atau pernyataan sahabat tidak boleh menyalahi pernyataan al-Qur'ān dan Sunnah. Di sudut lain, Imām al-Shāfi'i melihat perakuan al-Qur'ān yang menjelaskan al-Sunnah sebagai berkedudukan

---

<sup>50</sup> Abū Zuhrah (t.t.), *Tarīkh al-Mazāhib al-Islāmiyah*, hh. 376, 426, & 460.



memperincikan pernyataan al-Qur'ān,<sup>51</sup> memastikan al-Sunnah diletakkan di kualiti yang sama sebagai sumber pembinaan hukum, kerana dari sudut praktiknya terdapat banyak dari pernyataan al-Qur'ān bersifat umum yang memerlukan perincian dan asas memperincikan tidak dapat dirungkaikan melalui rasional akal seperti dalam aspek-aspek penentuan rakaat fardhu sembahyang lima waktu dan selainnya. Berasaskan keadaan ini perspektif Imām al-Shāfi'i dalam meletakkan al-Qur'ān dan Sunnah secara sepadu di kedudukan utama dan pertama sumber hukum tidak memberi kefahaman bahawa beliau berbeza dengan ilmuan Islam lain dalam melihat terdapat perbezaan antara al-Qur'ān dan Sunnah. Al-Qur'ān dan Sunnah dalam beberapa asas lain adalah berbeza seperti dari sudut keseluruhan ayat-ayat al-Qur'ān adalah kalam Allah, pengumpulannya bertaraf mutawatir, menjadi mukjizat kepada Nabi s.a.w. dan membacanya menjadi ibadat. Sedangkan al-Sunnah adalah pernyataan nabi yang dikemukakan melalui pengucapan, perlakuan dan perakuan, pembacaannya tidak ibadat, pernyataan tidak mukjizat dan pengumpulannya tidak seluruhnya mutawatir.

Walau bagaimanapun, melalui perspektif Imām al-Shāfi'i yang menempatkan al-Qur'ān dan Sunnah secara bersama dan sepadu sumber pertama pengambilan kesimpulan hukum dan masih berbeza antara keduanya dari sudut lain, telah memberi kesan tersendiri kepada mempertingkatkan Sunnah di kalangan masyarakat Islam dan sifat hukum dari al-Sunnah yang dapat dirumuskan seperti berikut:

- a. Imām al-Shāfi'i dengan perspektif ini telah menjadikan berpengetahuan mengenai al-Sunnah pada kualiti sama dan seimbang dengan berpengetahuan mengenai al-Qur'ān. Kerana asas pemahaman al-Qur'ān terikat kepada penjelasan dan perincian al-Sunnah. Tanpa pengetahuan dari al-Sunnah pernyataan al-Qur'ān sukar difahami dengan jelas.
- b. Walaupun Imām al-Shāfi'i meletakkan perspektif pengetahuan al-Sunnah perlu setaraf pengetahuan mengenai al-Qur'ān, namun perspektif ini hanya bagi maksud memastikan kesimpulan hukum itu sah dan benar. Keadaan ini tidaklah menjadikan sebahagian al-Sunnah tertentu seperti hadīth mursal adalah

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 460.



tidak pada kualiti yang sama dengan hadīth-hadīth mutawatir dan pernyataan al-Qur'ān yang seluruhnya mutawatir.

- c. Perspektif al-Shāfi'i dalam meletakkan kualiti yang sama antara al-Qur'ān dan Sunnah hanya dalam asas membuat kesimpulan hukum dan masih mengecualikan Sunnah dalam pernyataan berkaitan persoalan akidah.
- d. Lanjutan perspektif sama al-Qur'ān dan Sunnah pada Imām al-Shāfi'i menyebabkan al-Qur'ān tidak menasakhkan al-Qur'ān kecuali jika terdapat dalil menjelaskan nasakh tersebut. Bagi Imām al-Shāfi'i, kedudukan al-Sunnah adalah bersifat memperincikan pernyataan al-Qur'ān. Manakala nasakh adalah perisytiharan, berakhir praktik sesuatu hukum, maka ia memerlukan nas memperinci dan menjelaskan nasakh itu.

Perspektif Imām al-Shāfi'i berhubung sumber-sumber asas fiqhnya telah memperlihatkan fiqhnya berada di kedudukan pertengahan dan sederhana berbanding aliran fiqh Islam lain sebelum dan selepasnya. Keadaan ini memberi laluan luas perkembangan aliran mazhabnya untuk tersebar dan diamal di banyak bahagian dunia Islam sebelah timur dan barat. Keadaan yang menunjukkan keutamaan dan pengaruh besar aliran mazhabnya di kalangan masyarakat umat Islam.

#### Meletakkan perspektif asas berkaitan perbezaan fiqh

Sehingga zaman Imām al-Shāfi'i telah kelihatan dan tersebar di kalangan umat Islam pelbagai aliran mazhab fiqh. Di antara pelbagai aliran mazhab ini memperlihatkan perbezaan kecil yang merupakan kesinambungan kepada perbezaan pemikiran dan hukum dari zaman-zaman sebelumnya lagi kerana pelbagai faktor seperti perbezaan penglihatan dan pemahaman terhadap al-Qur'ān dan kedudukan hadīth-hadīth Rasulullah s.a.w. di kalangan mereka atau faktor-faktor lain. Imām al-Shāfi'i sendiri dalam beberapa isu fiqh berbeza pandangan dengan gurunya Imām Mālik dan Muhammad bin Ḥasan al-Syaibānī. Bahkan bagi Imām al-Shāfi'i dalam beberapa masalah berbeza ijtiadnya antara qaul qadim dengan qaul



jadid.<sup>52</sup>

Sehubungan dengan persoalan perbezaan hukum fiqh antara pelbagai aliran mazhab fiqh, Imām al-Shāfi'i telah meletakkan asas kepada umat Islam agar kembali kepada anjuran al-Qur'ān yang menuntut umat kembali kepada Allah dan Rasul dengan mengekal perpaduan dan mengelak dari perpecahan serta tidak taksud dengan menkagumi pendapat sendiri walaupun bercanggah dengan pernyataan Allah. Pernyataan Allah yang dimaksudkan itu ialah firman Allah dari ayat 59 surah al-Nisā' (4) yang bermaksud: "*Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya dan ulil Amri di kalangan kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu maka kemblikanlah ia kepada Allah (al-Qur'ān) dan Rasul (al-Hadith) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Kemudian yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya*". Pernyataan al-Qur'ān ini merupakan sebahagian dari banyak pernyataan seumpamanya yang menuntut setiap umat Islam mengikatkan diri dan beriltizam dengan perintah Allah bagi maksud mengekalkan perpaduan dan menghindarkan diri dari perpecahan<sup>53</sup> sebagai landasan ke arah kecemerlangan.

Imām al-Shāfi'i adalah kuat berpegang kepada pernyataan Kitab dan Sunnah. Dalam suatu tulisan beliau menegaskan bahawa "Tidak wajar bagi seseorang menyatakan dalam suatu permasalahan kecuali berasaskan pernyataan Kitab Allah dan RasulNya, kerana yang lain seluruhnya terikat dengan keduanya."<sup>54</sup> Pada pernyataan yang lain beliau menegaskan bahawa telah ijma' di kalangan umat Islam bahawa apabila ternyata pernyataan sunnah Rasulullah s.a.w. maka tidak halal bagi meninggalkannya semata-mata kerana kata-kata seseorang yang lain.<sup>55</sup> Pernyataan Imām al-Shāfi'i ini menunjukkan bahawa beliau menolak paradigma taasub membuta tuli kepada mazhab pegangannya apabila beliau menegaskan apabila

---

<sup>52</sup> Qaul Qadim adalah ijthād Imām Shāfi'i di dalam kitab al-Risālah semasa beliau berada di Baghdad manakala Qaul Jadīd adalah ijthād beliau semasa berada di Mesir yang dimuatkan di dalam kitāb al-Umm. Terdapat beberapa perbezaan kecil di sekitar 10-30 isu. Lihat Muḥammad Abū Zuhrah (t.t.), *op. cit.*, h. 460.

<sup>53</sup> Surah al-Anfāl (8) : 46, Āli 'Imrān (3) : 33 & 103.

<sup>54</sup> Al-Shāfi'i (1321), *al-Umm*, h. 287.

<sup>55</sup> *Ibid.*, h.30.



telah sahih hadith tentang sesuatu maka ia mazhabku. Seterusnya beliau menegaskan “Apabila seseorang dalam tulisanku mendapati pernyataan yang jelas menyalahi sunnah Rasulullah s.a.w., maka beramallah dengan sunnah Rasulullah s.a.w. dan tinggalkan pernyataanku.”<sup>56</sup>

Berasaskan perspektif ini Imām al-Shāfi'i telah mempraktik asas berikut dalam pembinaan dan membuat kesimpulan hukum fiqh;<sup>57</sup>

1. Mengemukakan keseluruhan hadīth-hadīth sahih di sisinya berkaitan perbahasan yang dianalisa dan memperincikannya dari sudut periwayatan dan intipati pengertian keseluruhannya jika ia membawa maksud yang hampir sama.
2. Menganalisa hadīth dan membuat kesimpulan hukum daripadanya setelah membentangkannya dan membuat penganalisan yang meliputi isu-isu yang dibicarakan.
3. Sekiranya wujud pertentangan antara hadīth-hadīth yang sah dalam sesuatu masalah, yang dibuat kesimpulan dengan menolak riwayat tertentu atau pendapat bertentangan tertentu, namun ia dibuat dalam pendekatan berperadaban dan pendidikan yang tinggi. Ia dilakukan dengan menjelaskan natijah syariah dan akibat dari pernyataan hadīth yang dipegang atau natijah syariah sebaliknya dalam pernyataan hadīth yang bertentangan dengannya.
4. Memperincikan sepenuhnya *athar* dari para sahabat dalam sesuatu yang dibuat kesimpulan seperti dalam kes menentukan sahnya perkahwinan. Kedua dengan perempuan yang diceraikan suami dari perkahwinan pertama terikat dengan keperluan menyelesaikan 'iddah dengan suami pertama.
5. Dalam berdalil dengan *ijmā'* bagi isu-isu yang tidak terdapat nas al-Qur'ān dan Hadīth, Imām al-Shāfi'i memperincikan sepenuhnya. Contohnya permasalahan yang berlaku *ijmā'* mengenainya dengan perspektif *ijmā'* yang sah disisinya dalam persoalan yang tidak boleh tidak memerlukan pengetahuan mengenainya.
6. Memberi perhatian dalam mempraktikkan *ijtihad* dalam permasalahan

<sup>56</sup> Al-Manawi (1938), *Faidh al-Qadir Syarh al-Jami' al-Ṣaghīr*, h. 96.

<sup>57</sup> Nur Abdul Judli, *Manāhij al-Fuqahā' al-Arba'ah*, Kuala Lumpur : Dār al-Tajdīd, hh. 134-139.



yang tidak diperolehi nas langsung dari al-Qur'ān dan al-Sunnah berasaskan perspektif bahawa nas-nas ini membawa hukum langsung atau saluran pendekatan pencarian kebenaran yang wujud bersamanya boleh menentukan kesimpulan hukum bagi yang lain pula. Berasaskan ini, ulama' dituntut mencari petunjuk ke arah kebenaran melalui ijtihad dan ijtihād itu adalah qias.<sup>58</sup> Melalui kesimpulan ini, Imām al-Shāfi'i pada hakikatnya telah meletakkan perspektif hukum melalui qias adalah juga perspektif hukum berlandaskan al-Qur'ān dan Sunnah berasaskan kefahaman al-Qur'ān dan sunnah dari sudut kontekstual. Manakala hukum melalui nas langsung berasaskan kefahaman tekstual.

Setelah mengambil perhitungan perspektif tersebut dalam membuat kesimpulan pemikiran dan hukum baginya, Imām al-Shāfi'i tetap menghormati pemikiran dan hukum bagi ijtihād mazhab lain. Rasulullah s.a.w. yang mempertegas sesuatu ijtihād berkemungkinan benar atau salah, jika benar mujtahid memperoleh dua pahala dan jika salah ia memperoleh satu pahala.<sup>59</sup> Berasaskan ini ijtihādnya walau dikira benar dan sah berkemungkinan silap dan ijtihād aliran lain yang walaupun dikira salah berkemungkinan benar yang memerlukan saling menghormati antara satu sama lain. Melalui pendekatan ini perpaduan dan keutuhan umat Islam dapat terus dipertahan serta dapat menjamin kekuatan dan keagungan serta dapat menjamin kekuatan dan keagungan Islam dan umatnya.

Berasas kedudukan Imām al-Shāfi'i dalam mengasaskan aliran mazhab fiqhnya dan dalam meletakkan asas menangani kepelbagaian aliran mazhab fiqh waktu itu telah memperlihatkan keutamaannya sebagai mujtahid, mujaddid al-Dīn dan telah memberi ruang kepada penguasaan mazhabnya dalam masyarakat Islam. Keistimewaan dan keutamaan mazhab Imām al-Shāfi'i dapat dirumuskan seperti berikut:

---

<sup>58</sup> Al-Shāfi'i, Muḥammad bin Idrīs (1309), *al-Risālah*, h. 77.

<sup>59</sup> *Ibid.*



Pertamanya, kemampuannya menghimpun pemikiran dan hukum fiqh dari madrasah Iraq dan Madinah di samping pengalaman luasnya dari maklumat dan budaya masyarakat Hijaz, Yaman,<sup>60</sup> Iraq dan Mesir. Himpunan pengalaman dan pengetahuan ini merupakan peluang keemasan bagi beliau dalam mengasaskan aliran fiqhnya yang tersendiri dan bersifat pertengahan dan sederhana. Kesederhanaan fiqh al-Shāfi'i terserlah dilihat dari sudut ia sepakat dengan fiqh al-Ra'y dari sudut prinsip beramal dengan qias sebagai sumber pemikiran dan hukum Islam kerana sebahagian dari pemahaman kenyataan nas-nas berasaskan kontekstual dan ia sbahagian dari tuntutan syarā'. Walaupun demikian dalam beberapa aspek lain Imām al-Shāfi'i berbeza dengan madrasah Iraq dalam prinsip beramal dengan al-Istihsan kerana agak sedikit jauh dari gambaran perundangan al-Kitab dan Sunnah. Demikian tidak selari dengan Madrasah Iraq kerana sikap terperinci dalam penerimaan hadīth sedang ia sumber perundangan utama yang diperakui al-Qur'ān seharusnya memadai untuk menerimanya jika ia bersambungan dan sah sanad. Di sudut lain, Imām al-Shāfi'i tidak selari dengan madrasah Madinah kerana meninggalkan qias kecuali dalam keadaan darurat. Dalam prinsip dan beramal dengan pernyataan sahabat dan praktik penduduk Madinah kerana ia membawa pengertian yang selari dengan beramal kepada fikiran.<sup>61</sup>

Keunggulan dan keistimewaan Imām al-Shāfi'i ikut terserlah melalui perletakan asas bagi dicontohi oleh ulama' dalam penilaian pemikiran hukum ketika banyak dari kalangan ulama' sebelumnya perkataan permasalahan fiqh bahkan berdalil dan mengkritik dalam keadaan tidak terdapat padanya kaedah atau asas umum untuk dijadikan rujukan dalam pemahaman dalil-dalil shariah dan pendekatan dalam penolakan dan penerimaannya sehingga muncul Imām al-Shāfi'i yang mengasaskan disiplin ilmu Uṣūl al-Fiqh. Khidmat tersebut menjadi asas kepada kalangan ulama' dalam memahami kualiti dalil-dalil syarā'. Berasaskan khidmat tersebut, Imam Fakhrurrazi mensifatkan Imām al-Shāfi'i dalam meletakkan asas syarā' adalah seperti kedudukan

<sup>60</sup> Imām al-Shāfi'i setelah menamatkan pengajian dengan Imām Mālik telah berhijrah ke Yaman dan telah bekerja serta mendalami ilmu dari ulama' Yaman khususnya Abī Ayyūb Matraf bin Zaman al-San'ani. Beliau berada di Yaman selama 5 tahun. Lihat Muhammad Abū Zuhrah (t.t.), *op. cit.*, h. 460.

<sup>61</sup> Nur Abdul Judli, *Manāhij al-Fuqahā'*, h.191.



Aristotle dalam ilmu logik.<sup>62</sup> Dari sudut praktiknya pula, Imām al-Shāfi'i memperlihatkan keunggulan tersendiri kerana membuat pembersihan dan mentashihkan pemikirannya kerana aliran mazhabnya dari Qaul Jadīd yang diperkenalkan semasa di Mesir dapat dikira contoh pembersihan dan pentashihan terhadap pemikiran hukum yang dikemukakannya semasa berada di Iraq yang dikenali sebagai Qaul Qadim.

## **5. Kesimpulan**

Kedudukan Imām al-Shāfi'i dalam mengasaskan disiplin ilmu Uṣūl Fiqh, mempertahankan sunnah dan mengasaskan mazhab fiqhnya sendiri yang berbeza dari dua mazhab sebelumnya telah meletakkan beliau sebagai tokoh dan imam mujtahid yang memilih pendekatan pertengahan dan sederhana dengan dikenali di kalangan pengkaji dengan paradigma tersebut. Dalam mensifatkan keistimewaan Imām al-Shāfi'i berbanding Imām Abū Ḥanīfah dan Imām Mālik, al-Rāzi mensifatkan bahawa manusia sebelum kehadiran Imām al-Shāfi'i telah berpecah kepada dua golongan, sebahagian menjadi pengikut ahl Ra'y dan sebahagian lain menjadi pengikut ahl Hadīth. Ahl Hadīth pada hakikatnya lemah dalam kualiti dan kemampuan perdebatan kerana itu rendah kualitinya dalam memperlihatkan kekurangan ahl Ra'y, menyebabkan mereka lemah dalam mempertingkatkan kekuatan agama dan keunggulan al-Kitab dan sunnah. Manakala ahl Ra'y menumpukan usaha dan kreativiti mereka dalam merumus kesimpulan hukum dengan pemikiran mereka dan mendisiplinkannya dengan menggunakan fikiran semata-mata. Akibatnya usaha dan ijtihad mereka tidak banyak memberi kemenangan kepada keunggulan nas-nas syarā'. Keadaan ini telah berubah berikutan kehadiran Imām al-Shāfi'i yang dikenali cukup tinggi kefahamannya dengan kefahamannya terhadap nas al-Qur'ān dan sunnah. Beliau juga berkemahiran dengan uṣūl fiqh dan syarat-syarat berdalil dengan nas-nas kerana beliau yang mengasas dan mendisiplinkannya. Imām al-Shāfi'i juga turut memiliki kualiti dan kemampuan berdebat yang tinggi. Melalui asas itu telah menegah dari terbudaya majoriti masyarakat Islam hanya kepada pernyataan Imam Abū

---

<sup>62</sup> Abdul Karim 'Uthman (1991), *Ma'alim al-Thaqāfah al-Islāmiyyah*, Lubnan: Mu'assasah al-Risālah, h. 330.



Hamifah dan pernyataan Imām Mālik.<sup>63</sup> Keadaan yang memberi laluan pengenalan aliran mazhab fiqh pertengahan dan sederhana. Berdasarkan kedudukan ini memperlihatkan keutamaannya sebagai imam mujtahid dan ulama mujaddid mewakili kurun kedua hijrah. Kejayaannya meletakkan panduan dan asas kepada ijtihad telah memberi panduan kepada ilmuan Islam kemudian meletakkan perspektif pemikiran dan hukum Islam bagi isu-isu yang mendatangi masyarakat kesan perkembangan tamadun manusia.

---

<sup>63</sup> Al-Rāzi (1279), *Manāqib al-Syāfi'e.*, h. 138.